

**Jasa Tun Abdul Rahman Ya'kub Akan Terus Dikenang - Muhyiddin
Bernama
Jan 10, 2015**

KUALA LUMPUR, 10 Jan (Bernama) -- Jasa serta bakti bekas Yang Dipertua Negeri Sarawak Allahyarham Tun Abdul Rahman Ya'kub dalam membangunkan Sarawak dan negara akan senantiasanya dikenang, kata Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Timbalan Perdana Menteri turut menyifatkan pemergian Allahyarham yang menghembuskan nafas terakhirnya malam tadi, satu kehilangan besar kepada negara.

Beliau sekeluarga yang menzahirkan rasa sedih dengan kepulangan Abdul Rahman ke Rahmatullah, berharap semoga keluarga Allahyarham tabah menghadapi dugaan itu.

"Semoga Allahyarham ditempatkan dalam kalangan orang yang beriman," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Abdul Rahman, 87, meninggal dunia di Pusat Perubatan Normah di Kuching, Sarawak pukul 9.30 malam tadi.

Jenazah akan dikebumikan di tanah perkuburan Islam di Semariang, Kuching selepas solat Zuhur hari ini.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source :<http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1099562>